

20 SEP 1996
Chan - Boikot
SUPP BOIKOT TIGA AKHBAR UTAMA SARAWAK

KUCHING, 20 Sept (Bernama) -- Parti Rakyat Bersatu Sarawak (SUPP), parti politik tertua di negeri ini hari mengambil keputusan memboikot tiga akhbar utama tempatan -- The Borneo Post, See Hua Daily News dan Sinhua Evening News -- berkuatkuasa dengan segera.

Setiausaha agungnya Datuk Dr George Chan berkata boikot itu termasuk tidak menjemput wakil akhbar-akhbar itu ke majlis-majlis SUPP, menghentikan semua langganan, iklan termasuk perutusan dan memboikot semua aktiviti yang dianjurkan oleh akhbar-akhbar itu.

"Kami juga akan mengambil tindakan-tindakan lain yang mungkin diarahkan oleh Jawatan Kerja Pusat parti," katanya kepada pemberita selepas mesyuarat khas jawatankuasa itu di ibu pejabat parti itu di sini.

Chan yang juga Timbalan Ketua Menteri Sarawak, berkata SUPP tidak boleh lagi menerima laporan-laporan tidak bertanggungjawab dan berat sebelah yang dapat menggugat maruah dan imej parti itu.

Chan berkata jarak masa boikot itu terpulang kepada dasar syarikat-syarikat akhbar itu terhadap SUPP.

Katanya, akhbar-akhbar itu perlu menunjukkan keikhlasan mereka sebelum sebarang usaha perdamaian dipertimbangkan.

Menurut beliau parti komponen Barisan Nasional (BN) negeri yang lain -- Parti Pesaka Bumiputera Bersatu (PBB), Parti Kebangsaan Sarawak (SNAP) and Parti Bansa Dayak Sarawak (PBDS) telah menyatakan sokongan terhadap tindakan SUPP ini.

Ditanya sama ada ketiga-tiga parti BN itu akan mengikut langkah SUPP memboikot akhbar-akbar itu, Chan berkata: "Saya fikir begitu juga."

Yang turut hadir dalam mesyuarat itu ialah naib presiden PBB, Datuk Adenan Satem, naib presiden SNA, P William Mawan dan setiausaha agung PBDS, Dublin Unting.

Sementara itu, Kumpulan See Hua yang berpangkalan di Sibu melahirkan kekesalannya dengan tindakan SUPP memulaukan ketiga-tiga akhbar milik syarikat itu.

Pengarah urusan syarikat Lau Hui Siong menyifatkan boikot itu sebagai tindakan tidak adil menyalahkan mereka atas kekalahan calon-calon tertentu parti itu pada pilihan raya negeri baru-baru ini.

"Mengenai tuduhan kami adalah kumpulan akhbar pembangkang, kami serahkan kepada para pembaca untuk membuat keputusan mengenai perkara itu," katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Lau berkata walaupun SUPP mengharamkan mereka daripada menghadiri majlis anjuran parti itu, ketiga-tiga akhbar itu akan terus membuat laporan mengenai SUPP dengan "mendapatkan maklumat menerusi sumber lain" kerana akhbar-akhbar itu mahu membuat liputan adil terhadap semua parti tanpa mengira ideologi parti-parti politik itu.

"Kami akan terus menerima cadangan dan pelbagai pendapat untuk disiarkan bagi melahirkan masyarakat yang progresif dan berilmu selaras dengan wawasan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad," katanya.

-- BERNAMA

RDY AHH